

**Siapa tipu Siapa**  
**Chedet.co.cc**  
**February 13, 2013**

**By Tun Dr. Mahathir Mohamad**

1. Nik Aziz dilapor telah menjelaskan kenapa PAS tidak boleh bersama UMNO dalam usaha untuk menyatupadu orang Melayu. Katanya PAS telah ditipu oleh UMNO semasa PAS berada dalam Barisan Nasional. Bagaimana UMNO menipu PAS tidak dijelaskan dengan terang.

2. Saya berada sebagai menteri dalam kabinet Tun Hussein di waktu mana PAS keluar dari Barisan Nasional. Saya juga ada dalam kabinet Tun Razak bersama Dato Asri Muda dan Hassan Adli semasa PAS menyertai Barisan Nasional.

3. Dato Asri diberi jawatan Menteri Tanah dan Galian. Ini bermakna dia bertanggung jawab terhadap FELDA.

4. Setelah beberapa bulan PAS berada dalam Barisan Nasional ahli-ahli UMNO Johor membuat komplimen kepada Tun Razak dalam majlis makan malam di kediaman Tun sempena mesyuarat agong UMNO bahawa Dato Asri giat mempromosikan PAS di kalangan peserta FELDA. Saya berada di sisi Tun pada ketika itu.

5. Secara kebetulan hampir semua peserta FELDA terdiri daripada penyokong kuat UMNO. Selepas Dato Asri bertanggungjawab keatas FELDA, hampir semua peserta FELDA menjadi penyokong kuat PAS dan menolak UMNO.

6. Ahli-ahli UMNO di seluruh negara berpendapat bahawa penyertaan PAS dalam Barisan Nasional tidak menolong Barisan Nasional. Ia hanya untuk memberi peluang kepada PAS mengembangkan pengaruh di kalangan ahli UMNO dan orang Melayu.

7. Di waktu itu timbul sengketa antara Dato Asri sebagai ketua PAS dengan Dato Mohd Nasir yang sebagai Menteri Besar untuk ganti Dato Asri. Dato Mohd Nasir mendakwa dia telah kesan banyak penyelewengan yang dilakukan oleh Dato Asri semasa dia menjadi Menteri Besar Kelantan.

8. Dato Asri cuba menyingkir Dato Mohd Nasir melalui undi tidak percaya. Walaupun kalah Dato Mohd Nasir enggan meletak jawatan.

9. Ramai ahli PAS memihak kepada Dato Mohd Nasir. Mereka mengadakan tunjuk perasaan secara besar-besaran menentang Dato Asri.

10. Kerana PAS berpecah Kerajaan Barisan Nasional Kelantan tidak dapat berfungsi. Darurat terpaksa diisytihar dan seorang pegawai kanan dilantik untuk memangku jawatan Ketua Pentadbir Kelantan.

11. Pada Mac 1978, pilihanraya peringkat negeri diadakan di Kelantan. Dato Mohd Nasir menubuh parti Berjasa yang bertanding melawan PAS. Sokongan kepada Berjasa begitu kuat sehingga ia memenangi 11 kerusi. PAS memenangi hanya 2 kerusi.

12. Perpecahan dalam PAS bukan kerana UMNO tetapi kerana Dato Mohd Nasir mencabar kepimpinan Dato Asri. Kekalahan PAS menyebabkan PAS keluar dari Barisan Nasional. Tidak ada penipuan oleh UMNO.

13. Walau apapun yang terjadi dahulu, jika seruan dibuat supaya berdamai orang Islam disuruh oleh agama Islam supaya menyambut seruan kedamaian dari musuh. Orang Islam disuruh bersatupadu, menganggap semua orang Islam sebagai saudara. Penolakan perpaduan sesama orang Islam tidak menepati ajaran Islam. Janganlah orang Islam menolak usaha menyatupadu untuk memperkuatkan orang Islam dengan membuat tuduhan yang tidak berasas.

## 68 Comments



1. *dindino*

February 27, 2013 at 1:00 PM | [Permalink](#)

Salam Tun....saya adalah penyokong TEGAR BN....saya ada pandangan tentang Parti PAS..

kenapa dari dulu sehingga skrng rakyat malaysia..terutama org melayu amnya..dan org islam khasnya tidak perasan....bahawa Parti P.A.S. itu adalah.....

PARTI AJARAN SESAT....

PARTI AJARAN SONSANG....

PENYEBAR AJARAN SESAT...

PENGANUT AJARAN SESAT...

PENGIKUT AJARAN SESAT...

PENGKHIANAT AGAMA SENDIRI....dan banyak lagi yang boleh di huraikan...apa org UMNO khasnya org melayu bukn islam ke...?jahat ke org umno...?org pas tu semuanya baik2 belaka..?tak buat maksiat..?kalau org kelantan yg kuat pas pun banyak buat maksiat....pergi ke negeri lain....dan negeri yg paling hampir dgn negeri Kelantan.....Tapi pemimpin pas semuanya...menutup pekong didada....itulah kelemahannya org2 pas..asyik nak cari salah org lain je...nk membuka aib org...kan brdosa tu....apa org pas tu maksom ke....?

sekian komen saya untuk kali ini....



2. *amin tan*

February 24, 2013 at 11:45 PM | [Permalink](#)

Salam Tun,

Saya ingin meminta perhatian semua pembaca blog Tun Mahathir yang popular lagi berprestig ini bahawa saya telah kenal pasti seorang MUNAFIK/PENJAHAT yang menulis dalam blog ini yang guna nama MiddleAges/ Age-Of-Enlightenment. Beliau ialah seorang Cina kafir yang tiada agama, menyamar sebagai seorang Melayu beragama islam. Tetapi terus mengata dan menghina agama islam dan Melayu. Orang yang seperti inilah musuh islam paling bahaya. Beliau adalah seorang AJK parti PKR DI SUBANG JAYA dihantar untuk berkempen untuk promosi Anwar Ibrahim dan PKR. PKR guna penyamaran, tipu helah, putar belit, fitnah dan pembohongan

serta hasutan. Bagaimanalah akan terjadi kepada negara kita jika PENJAHAT2 dari PKR menjadi perdana Menteri Malaysia. Kita akan mempunyai sebuah kerajaan yang beranggotakan manusia dua alam, iaitu main depan pun boleh, main belakang pun boleh.

""Age\_of\_Enlightenment

February 18, 2013 at 12:35 AM | Permalink

Salam Tun,

1. Ramai benar pejuang2 "Melayu" dan juga pejuang2 "Islam" bertikam lidah dalam blog Tun. Mengikut silat masing2 yang di pelajari, warisan dan megah tak tentu hala budaya melayu, setiap individu dan kumpulan menyalahkan dan memburukan yang lain.
2. Sekali sekala, sahutan untuk melayu bersatu konon, bererti Melayu yang telah di tipu dan di hina di bumi sendiri di desak bersatu dengan Melayu yang gila harta dan kuasa.
3. Amat megah Melayu memerintah negara sendiri, dengan undang2 yang menekan, memijak, menghimpit Melayu atas alasan agama konon, tetapi bukan Melayu atau Non-Muslim bebas dan kaya raya.
4. Saya fikir selagi ada ramai Melayu yang belum sedar akan kebodohan cara pemerintahan ini, selagi itulah BN akan terus menang dan membawa Melayu ke arah jahil yang amat sangat sehingga membuang bayi yang tidak berdosa.
5. Adalah menjadi harapan saya, dan saya percaya juga ramai Melayu lain yang cintakan kebebasan dan segala yang suci, supaya golongan Melayu yang betul betul arif dan prihatin mengambil alih memerintah negara ini, bersama sama semua bangsa Malaysia yang inginkan yang baik tanpa di tipu lagi, berulang kali.
6. Semua bangsa Malaysia berhak hidup dengan bahagia, aman dan makmur, mereka yang busuk hati orang lain berjaya lalu menghasut menggunakan agama ( isu2 halal, Allah dan lain2 ) dan mereka yang hanya memandang kulit ( bangsa tertentu sahaja ) akan terus memekik melolong tak puas hati dengan apa yang adil dan patut.
7. Bagi saya sendiri, saya tidak hirau akan berpecahnya Melayu, akan tetapi Melayu yang di atas atau yang memerintah saya inginkan yang boleh membawa atau memimpin dengan adil serta kefahaman yang betul dan dalam mengenai bangsa dan negara. Ini penting, lebih penting dari perpaduan Melayu.
8. Isu sebenarnya ialah ramai orang Melayu ingin hidup dengan berat sebelah, ingin kesemuanya yang di buat oleh kerajaan memihak kepada Melayu sahaja. Melayu jenis ini tidak pedulikan nasib orang lain dan agak sombong menyatakan ini bumi Melayu.

9. Lagak sombong dan kejahilan tidak pernah membawa mana2 kelompok manusia ke arah kegemilangan.

10. Ada ramai Melayu yang berkaliber, berdisiplin, berhati suci, yang telah di dinggirkan dan di gertak oleh mereka yang gila kuasa dan harta, menggunakan sentiman bangsa dan agama. Saya kira kali ini dalam pilihan raya kita dapat memperbetulkan sittiiasi ini supaya yang betul2 berkebolehan dapat memimpin dalam syarikat dan kerajaan, bukan mereka yang pandai bodek atau cakap di beri peluang, atau mereka yang pandai suap di beri jalan.

Sekian, Terima Kasih Tun""

amin tan



3. *sudin*

February 24, 2013 at 7:51 PM | [Permalink](#)

Salam Tun.

Walaupun saya gemar melihat orang2 kita berserban kerana diluaran sudah tentu mereka2 itu adalah berpegang teguh dengan ajaran Islam, pengetahuan ugama yang ada didada mereka janganlah disia2kan dengan menunjukkan sifat fanatik apabila menyokong tanpa sempadan terhadap seseorang ahli politik yang berpakaian serupa mereka.

Apabila PAS bersetongkol dengan kafir laknat DAP dan juga dengan perasuah hebat serta kaki seks bernama Anwar, fikirkanlah kedudukan sebenar PAS yang konon2nya nak memurtabatkan ugama Islam!

Haruslah kita ingat bahawa tuduhan rasuah yang dilemparkan kepada kerajaan belum pasti kebenarannya, dan betul ke Anwar seorang yang bersih sedangkan dia punyai simpanan berbillion ringgit dan tambahan pula tak berani nak menjejakkan kakinya ketanah suci Mekah???

Takut akan laknat Allah di Mekah?

Dengan hanya menjadi Timbalan PM 4 tahun dan Menteri Kewangan 5 tahun, Anwar telah mencipta kekayaan luarbiasa, dan dia sendiri tak pernah menafikannya!

Janganlah irihati tak menentu dan keterlaluan saperti blogger 'the hidden secret' sehinggakan mendapat panggilan "mr. jealous".

Kalau pun ada segelintir pemimpin UMNO yang diberi rasuah oleh tauke2 Cina, memesongkan ummah pula saperti yang dilakukan pemimpin PAS adalah merupakan satu kesalahan yang jauh lebih besar!!

Kebanyakan kafir yang bersemuka dengan orang2 Islam berserban menyimpan perasaan menyampah dan meluat walaupun kepura2an berbaik yang ditunjukkan kafir2 tersebut tidak menampakkan sedikit pun prasangka

buruk!

Kafir2 tersebut akan meludah sebaik ulamak2 berserban tersebut hilang dari pandangan!



4. *Dr Jafri*

February 24, 2013 at 11:58 AM | [Permalink](#)

Kalau seorang 'ulamak' seperti Nik Aziz dan Asri Muda juga kuat menipu, apa lagi murid, pengikut dan orangramai yang memandang tinggi terhadap si-ulamak itu.

Baru-baru Nik Aziz ibaratkan penerima BR1M sebagai haiwan ternakan. Mula-mula panggil bagi makan, kemudian sembelih. Salah tu, menurut Nik Aziz, sepatutnya kita bagi ceramah kosong (makan ilmu?) kemudian baru sembelih. Duit tu Nik Aziz boleh simpanlah. Sembelih tetap sembelih, ala-Nik Aziz style. Lagipun, ayam dan lembu bukan tahu guna duit. Nik Aziz dan konco-konco dia saja yang pandai guna duit. Jangankan setakat manusia, tanah dan balak Bukit Lojing pun Nik Aziz boleh sembelih dan lapah, kongsi dengan kafir DAP, sorok-sorok makan. Dahsat dan pelahap juga orang tua yang satu ni ya?

Saya heran kenapa di Malaysia tidak diwujudkan satu jawatan Mufti Besar Malaysia, The Grand Mufti, yang menjadi sumber rujukan utama (marja') dalam semua soal agama Islam, supaya seluruh umat Islam tak kira dari apa jurus politik, bersetuju untuk mematuhi arahan dan fatwa dari beliau tanpa ada apa-apa keraguan lagi. Kalau ada Grand Mufti ni, saya percaya ramai 'ulamak' akan kurang celupar dalam memberi pandangan kerana takut di-titik oleh Grand Mufti ini.

Bukankah ini cara paling mudah dan pantas untuk menyatukan keseluruhan umat Islam di Malaysia?



5. *DMeI*

February 24, 2013 at 2:23 AM | [Permalink](#)

Salam Tun,

Dato Asri cuba menyingkir Dato Mohd Nasir melalui undi tidak percaya. Walaupun kalah Dato Mohd Nasir enggan meletak jawatan.

Ya, sememangnya percubaan penyingkiran ini lah yang mencetuskan pergolakan d Kelantan pada masa itu. Tapi Apakah sebabnya yg membuatkannya Dato Asri cuba menyingkirkan Dato Mohd Nasir. Kenapa Tun tak menjelaskan perkara sebenar yang dilakukan oleh PAS pada masa

itu adalah sama dengan kepimpinan PAS kelantan sekarang lakukan iaitu MEMAJAK/MENJUAL TANAH NEGERI KELANTAN KEPADA BANGSA ASING. Apabila Dato Mohd Nasir membatalkan perjanjian pajakan itu, (sebenarnya pembatalan itu adalah SAH kerana terdapat pelanggaran klause oleh pihak terbabit), Dato Asri melenting kerna..... Yang sedihnya,,,, bumi kelantan kembali di gadai oleh pihak terbabit....

6.  [mgpunya](#)

February 21, 2013 at 10:22 PM | [Permalink](#)

YABhg Tun,

Do you honestly believe DAP wants UMNO to lose all seats and all Malay votes goes to either PAS or PKR? If that happens, it'll be back to square one! DAP does not want to see another dominant Malay Party rise up from the ashes. It would be like " keluar mulut harimau masuk mulut buaya". Another UMNO reincarnation is a no...no!! A split Malay votes is what they are praying for but, I don't think they need to pray that hard.....the Malays now are at each other throat.

7.  [sitinur](#)

February 19, 2013 at 11:53 PM | [Permalink](#)

Asalamualaikum.....

hmmm...saya pun selalu lupa dgn ujian Allah....sangka saya hanya kesedihan kemiskinan

sakit susah ujian dari Allah...sedangkan senang sihat kaya kedudukan harta kawin bujang kira nya segala galanya lah adalah ujian Allah samada kita nak jauh /lebih dekat pada Nya...

pada saya hidup untuk mati jadi nak tak nak kena lew saya jaga amanah berat yg saya sanggup pikul ni...aqidah n iman saya...Allah tak perlukan saya tp saya perlukan Allah....saya kesian kat nik ajis hadi anuwar azizah...

8.  [hajar](#)

February 19, 2013 at 8:51 PM | [Permalink](#)

Salam YAB & diKasihi Tun,

1. Terima kasih Tun kerana telah memberi penjelasan yang ringkas dan padat bagaimana PAS bertindak keluar dari Barisan Nasional pada pada 1978.

2. Punca sebenar ("root cause") ialah masalah dalaman PAS, tapi seperti biasa PAS akan cuba menyalahkan UMNO untuk masalah parti mereka. Kita lihat saya isu kalimah ALLAH, dimana bila PAS gagal untuk bersepakat dalam hal ini, UMNO pula yang disalahkan. Walhal kita sudah ada fatwa yang dikeluarkan tentang isu kalimah ALLAH dan mereka sepatutnya patuh dengan apa yang telah difatwakan diperingkat Kerajaan pusat.

3. Saya harap Nik Aziz berhenti MENIPU penyokong-penyokong PAS dengan kenyataan-kenyataan beliau yang tidak disokong dengan FAKTA sebenar.

4. PAS mesti akur yang UMNO mendapat sokongan majoriti orang Melayu/Islam, dan UMNO tidak mungkin boleh diperkuda oleh PAS sepertimana DAP memperkuda PAS di Perak. Yang peliknya mereka lebih rela diperkuda oleh DAP.

Terima kasih Tun.

\*\*\* *Semoga Allah SWT melindungi Tun sekeluarga.* \*\*\*



9. [Age\\_of\\_Enlightenment](#)

February 18, 2013 at 12:35 AM | [Permalink](#)

Salam Tun,

1. Ramai benar pejuang2 "Melayu" dan juga pejuang2 "Islam" bertikam lidah dalam blog Tun. Mengikut silat masing2 yang di pelajari, warisan dan megah tak tentu hala budaya melayu, setiap individu dan kumpulan menyalahkan dan memburukan yang lain.

2. Sekali sekala, sahutan untuk melayu bersatu konon, bererti Melayu yang telah di tipu dan di hina di bumi sendiri di desak bersatu dengan Melayu yang gila harta dan kuasa.

3. Amat megah Melayu memerintah negara sendiri, dengan undang2 yang menekan, memijak, menghimpit Melayu atas alasan agama konon, tetapi bukan Melayu atau Non-Muslim bebas dan kaya raya.

4. Saya fikir selagi ada ramai Melayu yang belum sedar akan kebodohan cara pemerintahan ini, selagi itulah BN akan terus menang dan membawa Melayu ke arah jahil yang amat sangat sehingga membuang bayi yang tidak berdosa.

5. Adalah menjadi harapan saya, dan saya percaya juga ramai Melayu lain yang cintakan kebebasan dan segala yang suci, supaya golongan Melayu

yang betul betul arif dan prihatin mengambil alih memerintah negara ini, bersama sama semua bangsa Malaysia yang inginkan yang baik tanpa di tipu lagi, berulang kali.

6. Semua bangsa Malaysia berhak hidup dengan bahagia, aman dan makmur, mereka yang busuk hati orang lain berjaya lalu menghasut menggunakan agama ( isu2 halal, Allah dan lain2 ) dan mereka yang hanya memandang kulit ( bangsa tertentu sahaja ) akan terus memekik melolong tak puas hati dengan apa yang adil dan patut.

7. Bagi saya sendiri, saya tidak hirau akan berpecahnya Melayu, akan tetapi Melayu yang di atas atau yang memerintah saya inginkan yang boleh membawa atau memimpin dengan adil serta kefahaman yang betul dan dalam mengenai bangsa dan negara. Ini penting, lebih penting dari perpaduan Melayu.

8. Isu sebenarnya ialah ramai orang Melayu ingin hidup dengan berat sebelah, ingin kesemuanya yang di buat oleh kerajaan memihak kepada Melayu sahaja. Melayu jenis ini tidak pedulikan nasib orang lain dan agak sombong menyatakan ini bumi Melayu.

9. Lagak sombong dan kejahilan tidak pernah membawa mana2 kelompok manusia ke arah kegemilangan.

10. Ada ramai Melayu yang berkaliber, berdisiplin, berhati suci, yang telah di dinggirkan dan di gertak oleh mereka yang gila kuasa dan harta, menggunakan sentiman bangsa dan agama. Saya kira kali ini dalam pilihan raya kita dapat memperbetulkan sittiiasi ini supaya yang betul2 berkebolehan dapat memimpin dalam syarikat dan kerajaan, bukan mereka yang pandai bodek atau cakap di beri peluang, atau mereka yang pandai suap di beri jalan.

Sekian, Terima Kasih Tun



10. *azienmat*

February 17, 2013 at 2:44 PM | [Permalink](#)

Tahun 1978 zaman Nik Aziz masih budak lalang politik lagi dia tak layak cakap pasal isu PAS keluar komponen. Pelawok pelawok pelawok belako



11. *Simple Mind*

February 17, 2013 at 12:12 PM | [Permalink](#)

Asalam'kum Tun,

There is a reason why countries have Immigration laws, i.e. to allow people who wants to enjoy the beauty of that country and not to "destroy" that country. Every country has a right (with their own reason) whether to allow someone into the country for what ever purpose it maybe. It happens every where.

And if anyone who wants to interfere with the politics or the government of another country, I don't think that person will be welcome by any country. This does not mean we are not friendly to that other country.

We have to define what is good for our nation and NOT let others dictate how and what we does thing. There is a Western way and there is a "Our Way" of doing things.

12.  HBT456

February 17, 2013 at 12:10 PM | [Permalink](#)

Wajaperak,

Kalau aku mahu makan sate tradisi Melayu dan ori, aku akan makan kat Kajang atau SS2.

But Wajaperak used our official Islam as the weapon to downgrade ancestral Malay family tradition and culture in F&B just because I do not listen to you, then I am a kafir?

Siapa tipu siapa?

It's a blessing to serve others than to be served.

That's why we have service charge in Malaysia.

13.  HBT456

February 17, 2013 at 11:39 AM | [Permalink](#)

Wajaperak,

Am I gatal?

I am not like you who likes to label others to cover you sesuka hati.

To be or not to be, Malaysians will answer this question in GE13th.

One more thing, kalau aku ini sebagai Malaysian pun hang rasa aku ini kafir, then it's better off to tutup MITI kerana foreigners memang bermentaliti kafir macam aku.

P.S. Psy as Korean and world entertainer memang kafir kepada Yee Sang kaum Cina, but the food served by Daore Restaurant tastes good and fab.



14. *wajaperak*

February 17, 2013 at 11:16 AM | [Permalink](#)

Assallammualaikum Tun..

Terima kasih untuk ruangan yang di beri..

[Saya mulakan dengan kata2 Saidina Umar yang lebih kurang berbunyi:

"Setiap manusia yg lahir dr rahim seorang ibu dilahirkan sebagai seorg yg merdeka"]

Wahai tuan yang membuat kenyataan..

Tidak pernah lagi saya dengar begini dari Saidina Umar r.a.Setau saya ianya dari hadith Rasullulah s.a.w.Tolong beri sumber usul dan atsarnya..Setiap kenyataan dari kita umat muslimin mestilah bertanggungjawab..

HBT anda seorang kafir..Janganlah gatal nak berbicara tentang Islam!!..  
Terima kasih Tun.



15. *Dr Jafri*

February 17, 2013 at 11:04 AM | [Permalink](#)

PAS, DAP dan PKR – saya letak mereka ini di bawah kelompok 'Anasir Subversif'.

Mereka bukan lagi parti pembangkang, tapi adalah Anasir Subversif, terutama kepala mereka yang bernama Anwar Ibrahim yang sering memberi gambaran buruk terhadap kerajaan Malaysia, dalam wawancara dengan media Barat, yang terang-terang berupa satu tindakan subversif terhadap ekonomi dan keselamatan negara.

Label 'Anasir Subversif' ini adalah paling tepat kerana modus operandi atau kaedah mereka untuk menjatuhkan kerajaan melalui khabar angin, demonstrasi jalanan, fitnah, penipuan, provokasi agama, kerosakan harta rakyat, mencetus kekacauan awam, sentimen perkauman dan perang saraf – tak ubah seperti gerakan bersenjata komunis PKM (Partai Komunis Malaya) di abad yang lalu. Saya agak musykil kenapa media cetak dan stesen TV kerajaan sekarang tidak lagi mengguna label 'Anasir Subversif' terhadap mereka ini.

Cuma yang berbeda, sekarang ini 'senjata' mereka ialah mengguna internet dan ianya terbukti jauh lebih berbahaya kerana mempunyai sasaran yang sangat meluas serta terbuka dan mudah untuk dipengaruhi dalam masa yang singkat.

Saya fikir semua stesen TV dan media cetak kerajaan mulai hari ini perlu kembali mengguna takrif yang tepat dan jelas – Anasir Subversif, bagi menggambarkan musuh keamanan dan pencetus kekacauan – supaya rakyat juga boleh buat kesimpulan dan keputusan yang tepat dan jelas bila memilih siapa untuk menerajui kerajaan selepas PRU13 ini.

Saya berpendapat Menteri Penerangan, Rais Yatim, agak blur dan lembam dalam menangani cabaran informasi semasa.



16. PASHit

February 17, 2013 at 9:30 AM | [Permalink](#)

Salam Tun,

Perbuatan PAS tidak menyokong Perhimpunan Sejuta Umat selamatkan Akidah tetapi menyokong Bersih anjuran Ambabiga membuktikan bahawa parti ini mementingkan politik mengatasi agama. Ulamak2 setan bisu dalam PAS mendiamkan diri seolah2 tak perasan hakikat bahawa mereka ini berkelakuan ala Umat Nabi Lut kerana mengikut perjuangan peliwat, LBGT dan fahaman liberal.

"Nabi Muhammad bersabda, maksudnya: "Perkara yang paling aku takuti menimpa ke atasmu adalah perbuatan kaum Luth. Dilaknati mereka yang melakukan perbuatan seumpama kaum Luth." (Hadis riwayat Ibn Majah, at-Tirmidzi dan al-Hakim).

Tabiat suka kepada pasangan sejenis bermula pada zaman kaum Nabi Luth yang gemar hidup menentang arus, mengikut nafsu serakah tanpa mempedulikan nilai agama dan kemasyarakatan. Walaupun Nabi Luth menasihati mereka, ia tidak diterima sedikitpun, sehinggakan tetamu baginda sendiri mahu diusik. Disebabkan itu, mereka ditimpa musibah yang sungguh dahsyat, buminya tenggalam sehingga menjadi lautan.

Kisah ini diceritakan dalam al-Quran melalui beberapa surah, antaranya surah al-Akaba, an-Naml dan al-Hijr."

**TETAPI PERANGAI PEMIMPIN2 DAN PENYOKONG2 TAKSUB WIRID PUTRAJAYA INI TAK AKAN MENGAKU KEBURUKAN DAN KEJAHILAN MEREKA DAN TETAP AKAN MEMPERSALAHKAN ORANG LAIN.**

**POLITIK MENGATASI AGAMA.**

**FATWA N.AJIS MENGATASI HADIS DAN SUNNAH NABI.**

**FITNAH JADI AMALAN.**

Pertanyaan saya kepada mereka ini " MACAMANA KORANG NAK JAWAB DI PADANG MASYAR NANTI?"

PAShit

17.  PASHit

February 17, 2013 at 9:21 AM | [Permalink](#)

Salam Tun,

inikah contoh kerajaan yang kononnya mengaku memperjuangkan Islam?

"Seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) PAS mempersoalkan tindakan kerajaan negeri pimpinan parti itu yang disifatkannya tidak memberi keutamaan terhadap pembinaan masjid di setiap pembangunan bandar baru yang dilaksanakan di Kelantan.

Hassan Mohamood (Pas-Tawang) berkata, perkara tersebut boleh dilihat dalam pelaksanaan pembangunan Bandar Baru Tunjung dan Lembah Sireh apabila pembinaan masjid tidak diberikan penekanan berbanding bangunan lain yang telah siap dibina. Beliau turut mempersoalkan projek pembinaan masjid di Lojing yang belum bermula tetapi peruntukan sebanyak RM1 juta telah pun diluluskan.

"Kerajaan tidak memberi keutamaan kepada pembinaan masjid dan tidak memberi penekanan kepada pemaju supaya membina masjid, sebagai contoh di Bandar Baru Tunjung, bangunan lain dah naik masjid tidak ada manakala di Lembah Sireh, bangunan lain penuh, masjid entah di mana. "Jadi saya harap kerajaan memberikan keutamaan terhadap pembinaan masjid," katanya ketika mengemukakan soalan tambahan kepada Timbalan Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini hari ini.

Ahmad ketika itu sedang menjawab soalan tambahan Abdul Halim Abdul Rahman (Pas-Chetok) yang meminta kerajaan negeri mencontohi pendekatan hijrah Rasulullah yang memberi keutamaan membina masjid, dalam pembangunan bandar baru Lojing. Abdul Halim berkata, pembinaan masjid itu penting supaya masyarakat tidak kosong daripada menerima ajaran agama."

PAShit

18.  PASHit

February 17, 2013 at 9:19 AM | [Permalink](#)

Salam Tun,

sambungan dari pengakuan bekas2 kadre aktivis PAS yang telah bertaubat dan kembali ke pangkal jalan. Kali ini dari Sdr Nashrul Fadzli pula.

Saya harap penyokong2 PAS buta hati dan taksub selama ini dengan perjuangan palsu PAS dapat iktibar dan pengajaran lantas meninggalkan perjuangan palsu ini.

>

>

>

KENAPA KAMI TINGGALKAN PAS –

Saya ingin menambah beberapa perkara yg disebutkan oleh sdr Rahman Kadir sebelum ini. Saya mulakan dengan kata2 Saidina Umar yang lebih kurang berbunyi:

“Setiap manusia yg lahir dr rahim seorang ibu dilahirkan sebagai seorg yg merdeka”.

Oleh itu, saya ingin... menyatakan bhw kami sebelum ini menyertai PAS sebagai seorang yang merdeka dengan kehendak hati kami sendiri, dan kami keluar dari PAS juga sebagai seorg yg merdeka dengan kehendak hati kami sendiri. Kedua-dua keputusan dibuat berlandaskan ilmu yang ada pada ketika keputusan yang dibuat.

Perkara ini saya harus tegaskan kerana mereka yang masih mengikuti gerakan PAS ini terutamanya yang mengikuti gerakan ini di kampus, saya kurang yakin sebahagian besarnya bahawa jika tidak kerana dipaksa mengikuti program Tamrin Panjang, melakukan bai’ah, mereka akan terus beriltizam dengan PAS. Ada di antara mereka yg beriltizam kerana kawan-kawan, isteri mereka juga dari jamaah ataupun golongan yang sama dan juga persekitaran. Andaikata mereka diberi peluang memilih dalam keadaan merdeka, maka mereka akan sudah lari dari azali lagi. Ceritera ini bukan untuk mengangkat diri sendiri dalam bakul, tetapi untuk menolak tuduhan dan juga tanggapan bahawa kami masuk PAS dahulu kerana NADI kuat ataupun PAS kuat. Walhal di zaman itu, anda fikir sendiri, berapa ramai org PAS yg anda jumpa dalam batch anda?

Saya harus tegaskan bhw saya telah berintima’ dan mengenali PAS seawal dari sekolah rendah lagi. Mungkin bunyinya terlalu awal, tetapi itulah hakikatnya. Rakan-rakan yang membaca nukilan ini, masih teringatkah anda tentang pimpinan Arwah Haji Yusof Rawa (kemudian menjadi Mursyidul Am semasa pimpinan Arwah Ust Fadzil?), bagaimana peristiwa Memali berlaku melalui buku Cn Afghani, penubuhan CCC sekitar tahun 1986 yang menyaksikan penubuhan kelab penyokong Cina, pergolakan Team A dan team B yang menyaksikan pengharaman UMNO dan muncul parti Semangat 46. Sahabat-sahabat tahukah bahawa Parlimen Johor Bahru yang saudara2 kata mustahil PAS boleh menang, pernah menyaksikan UMNO kalah di tangan Dato’ Shahrir Samad dari team B yang telah menjadi calon bebas dengan

lambang kunci. Sahabat2 semua mungkin sekadar tggk kartun transformer, ninja turtle, tapi saya sudah ikut perkembangan politik semasa ketika itu melalui pembacaan Harakah, Watan dan beberapa akhbar tabloid politik di ketika itu.

Ku Li yang dinobatkan sebagai ketua Angkatan Perpaduan Ummah sebagaimana Anwar hari ini, mendapat inspirasi dari kekalahan parti kongres kepada bharatiya janata party (BJP) untuk mengalahkan kerajaan UMNO baru pada pilihanraya 1990. Masihkah ingatkah sahabat2 bahawa jikalau tidak kerana tengkolok salib yg dipakai oleh tengku razaleigh, tentu PM selepas pilihanraya 1990 adalah Ku Li bukannya Mahathir. Sahabat2 ingat tak lagi siapa MB Kelantan sebelum TG Nik Aziz, MB UMNO namamnya Mohamed Yaacob.

Sahabat-sahabat bolehkah ingat ttg Isu Kerpan, di mana tanah2 org kampung di Kedah diambil oleh kerajaan BN Kedah utk membangunkan ladang ternakan udang dengan joint venture Syarikat Bin laden? Hero isu ini adalah Mat Sabu.

Saya boleh teruskan lagi semua2 cerita2 lain, tapi cukuplah setakat itu dari segi itu. Saya telah faham dengan hakikat bhw melaksanakan hukum hudud itu adalah wajib dan menegakkan Negara Islam itu adalah wajib seawal itu. Untuk umat kembali menjadi umat yg kuat seperti mana di zaman kegemilangannya kita harus kembali kepada Islam secara keseluruhan. Mungkin yang masuk sekolah ugama ketika itu pun tak faham benda2 seperti itu. Saya tidak katakan semua tidak faham, tetapi anda semua lebih tahu dari saya, cuba tanya balik di tahun 90-95, apakah fikrah anda?

Selain itu, saya kenal mana satu BMB dan mana satu NADI sebelum mencecah masuk ke kampus UM. Masih terang di ingatan saya, Sdr Khairuddin Mohd, Presiden PMUM 1995, diangkat dan dijulung di TV3. saya berasa hairan, kenapa TV3 menjulang Presiden PMU yang sedang berdemonstrasi, suatu perkara yg ajaib. Bila diperiksa, barulah diketahui bahawa mereka ini adalah proksi Anwar di kampus dan TV3 sendiri dikuasai oleh Anwar.

Saksi yg kepada pengetahuan saya tentang politik kampus ini, adalah (bakal) naqib saya sendiri, Ust Burhan Che Daud yang saat itu juga mengikuti haluan siswa (sebagai pelajar tahun 1 Akademi Pengajian Islam). Soalan saya kepadanya sebagai kepastian, yang pegang PMU tahun 1996, siapa? BMB ataupun Nadi. Beliau terkejut kerana soalan itu datang dari seorg pelajar Asasi yang sepatutnya tidak tahu apa2 tentang politik kampus. Masih segar di ingatan saya, seorg sahabat yang sama2 bertuisyen dengan saya di Taiping, mengetuai upacara sorakan bg pihak Kolej beliau, di masa yg sama Pres. PMU dari BMB ketika itu (1996) turut menjadi Pembantu Pelajar Kolej berkenaan.

Perkara saya yg membuatkan saya beriltizam membantu NADI adalah apabila sekumpulan pelajara Akademi Islam mengadu mereka dipaksa

mencukur janggut oleh pembantu2 pelajar Kolej kedua kepada pimpinan PMUM. Namun balasan dari Presiden PMU ketika itu hanyalah ini masalah masing2. Saya melihat betapa lemahnya dan betapa tidak perihatannya pimpinan PMU yang ada.

Rakan saya, Abdul Rahman masih pekat UMNOnya, di hujung minggu haluansiswa, kami bertukar pendapat ttg politik Negara, dan menceritakan kewajipan menegakkan hukum Islam. Beliau tidak percaya dan saya mengusulkan agar dibawa ke pengetahuan Ust Burhan. Dalam usrah kami yang pertama, kami terus mengajukan soalan itu. Sebenarnya, ini sudah langkau silibus, tetapi dijawab oleh ust Burhan. Dan saudara Abd rahman menerima hujah saya dan bermula dari situ beliau menjadi seorg penyokong PAS sebagai seorg manusia yang bebas dan menerima hujah yang berdasarkan ilmu.

Saya sendiri dalam pengenalan pelajar2 Asasi di Kolej Pertama tidak menyembunyikan ideologi politik saya. Begitu juga dengan fikrah ini, saya selesa dengan abg2 senior JKP Kerohanian dan Etika. Boleh lepak dengan mudah sebab frekuensi kami sama.

Bagi kami, ujian kami yang pertama di Universiti Malaya secara praktikal bg menegakkan Islam adalah pilihanraya Asasi. Kami tahu bahawa ada terdapat dua pasukan, satu kumpulan senior2 yg mengikuti Usrah diketuai oleh sdr Fauzul Naim, dan sa...tu lagi senior yang berpusat di Kolej Ke Lapan diketuai oleh Sdr Sattar Hussin. Benar, sokongan pelajar2 tahun 1 diperlukan utk memastikan Asasi dikuasai oleh kelompok usrah yang pro PMI. Kami melihat ketika itu sokongan kepada pelajar2 usrah semasa merosot, kempen pihak Sattar cukup hebat dan menarik perhatian pelajar2 tahun 1 Sains hayat terutamanya. Pihak senior usrah, masuk di saat yg salah dan ramai pelajar hayat ketika itu sudah pun keluar. Kempen mereka tidak sampai ke audiens yg ada.

Pulang dari Kolej, saya dan Rahman serta beberapa anak usrah lain tidak puas hati. Kami bertekad, apa2 pun kami akan pastikan kumpulan A Bulat (grup anak surah) akan menang. Sdr Rahman mmg terkenal sebagai pendebat Malacca High School. Di pagi jumaat, Sdr Rahman telah berada di hadapan dan berkempen meminta agar grup A bulat ini diberi peluang utk memegang jawatankuasa di Asasi dan kami menyerahkan handbill2 kepada kawan2 lain supaya menyokong calon sokongan kami, akhirnya, hanya jawatan Presiden Asasi sahaja dipegang oleh Sdr Sattar, dan lain2nya dikuasai oleh grup A bulat. Ini merupakan kejayaan pertama kami dalam politik kampus (sambil tidak menafikan usaha oleh pemain2 sebenar di sebalik grup A Bulat).

Kejayaan ini memberikan satu makna besar kepada PMI dan NADI, kerana kemenangan di Asasi memberikan satu isyarat kepada pilihanraya kampus. Benar, telahan naqib kami (selepas Abg Burhan), Abg Norhisyam Ismail, PMU telah dikuasai oleh NADI/PMI, BMB yang dipimpin oleh Sdr Fakhrul razi Ibrahim yang mengetengahkan Sdr S Ramlee sebagai bakal Presiden

kecundang. Semua kerusi umum, tumpas kepada NADI. Sdr Zainul Azizi diangkat sebagai Presiden PMU dr NADI. Ust Abu Zaki sebagai mantan Pres PMI ketika itu boleh berasa bangga kerana ground worknya sudah berhasil. Pres PMI ketika itu, Ust Anwar Ridwan Zakaria (juga naqib kami kemudiannya) membuka lembaran baru pemerintahan PMI dan NADI di kampus Universiti Malaya. Maka, bermulalah era pemerintahan NADI tanpa kalah sehinggalah tahun 2004/2005. Nadi bertukar nama kepada Gagasan, Gagasan Mahasiswa Universiti Malaya dan saat ini Pro-Mahasiswa.

Usrah2 dan tamrin2 yg kami ikuti pada mulanya tidak menampakkan hala tuju ke arah menjadikan PAS sebagai jamaah yang patut kami serahkan jiwa dan raga kami. Atas nama untuk mengajar agama, maka pelajar2 Asasi dan juga fakulti diajak menyert...ai usrah. Masih segar lagi di ingatan kami, tamrin kami yang pertama memang penuh "hiburan" . Naqib2 di Kolej Pertama pun turut mengadakan outing seperti ke Taman Tasik Titiwangsa. Inilah cara bagi mereka mendekati pelajar-pelajar asasi dan juga fakulti. Namun, semakin lama, nilai 'hiburan' itu semakin luput. Mereka yang benar2 berminat dgn agama dan berdisiplin dalam tarbiyyah sahaja yang akan kekal, yang lain2 akan lupus ditelan zaman. Sebelum itu, ada sahabat2 yg keluar 3 hari dengan gol. Tabligh. Ada yang rapat dgn pimpinan ABIM di kampus (utk yg berada di 2nd College), yg di 4th mula berjinak dengan JIM. Ada juga sahabat yg dipesan oleh ustazah di sekolah utk mencari naqib JIM yakni ustaz Alias Osman. Namun, akhirnya mereka masuk ke usrah PAS dan mengikuti bai'ah dengan pimpinan PAS.

Dalam tamrin kedua tidakpun sebelum Tamrin Panjang, anak usrah disuruh memilih jamaah yg benar. Hadith2 Nabi dikeluarkan, untuk menyokong bahawa PASlah jamaah yang dimaksudkan oleh Rasulullah SAW. Bagi rahman dan saya, jamaah mana lagi? Mungkin bg sahabat2, ada yg masuk telinga kanan, keluar telinga kiri. Ya, sebab dalam borang taaruf dalam Tamrin panjang, ramai yang meletakkan tokoh yang dihormati sebagai Anwar Ibrahim ataupun Tun Mahathir.

Sebenarnya, yang membuatkan kami bersungguh2 untuk menyertai Tamrin panjang (selepas ini dirujuk sebagai TAMPAN) kerana perkara ini dibocorkan oleh salah seorang senior kami (dirahsiakan identitinya) apabila beliau yang sekolej haluansiswa di kolej ketiga dgn saudara Rahman telah memecahkan perkara ini. Sepatutnya ia adalah rahsia, tetapi kerana sebab tidak mahu Rahman tercicir, maka dibukakan rahsia ini supaya Rahman tidak lari dr gerakan usrah dan tamrin. Rahman pula memberitahu saya tentang adanya TAMPAN iaitu di mana akhirnya trdapat upacara bai'ah walaupun sebelum sampai ke tahap itu, terdapat mental and physical torture walaupun tidaklah sehebat tentera, namun, jikalau diketahui oleh sahabat2 yg lain, nescaya mereka akan lari.

Namun, disebabkan kami benar2 ingin menyertai PAS, maka ini menyebabkan kami lebih bersemangat utk menyertai usrah dan tamrin. Ini berlaku sebelum peristiwa pemecatan Anwar Ibrahim sekitar tahun 1997. Namun, bayang2 berakhirnya kuasa hegemoni UMNO sudah kelihatan

dengan tumpasnya UMNO di parlimen Arau pada tahun tersebut dengan calon PASnya, Ust Hashim Jasin.

Sebenarnya gerakan sirr ataupun rahsia ini wujud juga di Asasi tetapi secara longgar. Di antara cuti semester, kami telah menyertai TAMPAN yang dibuat di Taman Melewar. Naqib saya sendiri membawa saya ke sana dengan menaiki motorsikal. Kami tidak dibenarkan menelefon sesiapa (almaklumlah zaman pra-henfon) dan diminta utk berbohong tentang lokasi dan program yang kami ikuti kepada ibu bapa. Saya tidak akan menceritakan dengan lebih lanjut kerana kebanyakannya telah dimuatkan dalam nota ini.

Apa yg saya hendak beritakan, bahawa tamrin panjang ini telah menjadikan kami ahli PAS sebenar dengan mengikuti jalan tarbiyyah. Di sini, tiada pengecualian kredit, mereka yang pernah mengikuti modul yg sama di Universiti lain ataupun di Kolej Islam Kelang perlu mengikuti semula tarbiyyah UM. Keluar dari TAMPAN, menjadikan kami org2 yg semangat dengan perjuangan PAS.

Setelah beberapa ketika, saya berpeluang mengerjakan umrah bersama bapa saya. Kebetulan isu pemecatan Anwar masih hangat. Saya sempat bertemu dengan Datuk Seri Zahid Hamidi yang baru saja dilepaskan dari tahanan ISA dan terus mengerjakan um...rah bersama anak kecilnya. Di Tanah suci, saya mendapat gambaran Islam yang berbeza dari apa yg saya temui sepanjang tarbiyyah saya dengan PAS.

Islam tidaklah keras seperti mana yang saya hayati melalui tarbiyyah2 dalam PAS. Saya melihat Tuan Guru Melayu di Masjid Mekah juga tidak menyertai PAS dan mengatakan PAS seharusnya berusaha menghapuskan syirik dan khurafat dahulu. Mungkin beliau tidak mahu audiens lari, kerana menyedari suasana yg marak dengan isu Anwar.

Kembali ke tanah air, saya dibawa menyertai tamrin khusus untuk pimpinan PMI sahaja. Terdapat beberapa insiden yang membuatkan saya terfikir dan saya membuat bandingan di antara suasana di Tanah Suci dan juga apa yg berlaku semasa tamrin tersebut.

Di sini, kepercayaan saya terhadap PAS mula terhakis, walaupun saya sendiri melihat ada beberapa perkara yang mula tidak kena. Kepercayaan kami bahawa PASlah jamaah yang sah, membuatkan kami terus bersama dengan PAS. Mungkin Rahman lebih awal, tetapi sebelum ini pun kami menyoal tentang beban kerja jamaah yang tidak seimbang apatah lagi kepada pelajar perubatan. Sistem yang dibina tidak menguntungkan pelajar2 di luar Akaedmi Pengajian Islam.

Keraguan ini ada, seperti bola salji yang turun dari gunung yang tinggi. Kami cuba untuk tidak menyoal kerana bimbang ini hanyalah bisikan syaitan. Jika PAS tidak betul, kami risau pula, silap2 kami boleh jatuh shahadah kami. Tetapi, hati semakin tidak puas, perhatikan nasib rakan2 yg beban akademik semakin berat. Kami tidak berbincang tentang siapa yg akan dapat score A,

tapi kami berbincang sapa yang lulus dan siapa yg tidak di bwh pemerhatian dekan.

Itu sebab, saya selalu menggelarkan zaman di kampus sebagai zaman gelap. Alhamdulillah, sebab "tamadun" kami tinggi, kami masih mampu bertahan. Ibarat billionaire, harta ditarah, tidak luak. Tetapi, ramai sahabat2 yg tidak bernasib baik. Dahulu di Asasi, kamilah pusat rujukan ilmu, tetapi di fakulti, kami tidak lagi. Malah, kami terpaksa menadah pula bantuan untuk terus hidup.

Masalah akademik yg meruncing menyebabkan kami perlu bertindak. Ikutkan, kami boleh buat sikap, apa aku kesah. Kami tidaklah bawah pemerhatian dekan, result pun ok berbanding kawan2, tetapi disebabkan kami merasakan Islam tidak zalim, maka kami mula merangka strategi utk merubah nasib pelajar2 PMI yg bukan ustaz ini. Mungkin sahabat2 yg membaca ini lebih mengangkat org2 yg kurang bersimpati dengan ada sekalian dan memusuhi kami, walaupun sebenarnya kami tidak perlu bersusah payah memikirkan kesusahan kalian walaupun kami ini secara akademiknya, survivor.

Pada mulanya, ada di antara org2 yg berpengaruh bersimpati dengan perjuangan kami ini, tetapi disebabkan hasutan, dia mula menyerang rayuan kami. Kami ketika itu sudah menjadi senior, sebaya dengan pimpinan yang ada ketika itu. Ketika yg sa...ma, saya dilantik menjadi Presiden AKIUM, di sana saya membina Utopia saya sendiri, sesuai dengan kesibukan akademik seorg pelajar kejuruteraan. Akademik menjadi keutamaan, Alhamdulillah saya rasa ia menjadi. Di situ, saya cuba membawa imej dengan berpegang jati diri sebagai seorg Muslim sejati, kita akan berjaya. Semboyan ini berjaya ditanamkan di kalangan ahli2 AKIUM tidak mengira apa fahaman. Namun, kesetiaan kami masih kepada PMI. Secara politik kami masih bersama PMI dan Gagasan. Walaupun begitu, oleh kerana mungkin kurang berguna dari segi politik utk PMI, kami dipinggirkan. Gerai konvo diletakkan jauh, dan diutamakan gerai anak Kelantan, Sajian Bonda mendapat 2-3 lot di tempat strategic, padahal kami di atas bukit. Yg menentang PMI lebihlah buruk nasibnya. Melihat beberapa ketidakadilan, kepercayaan terhadap gerakan PAS di kampus semakin luntur, namun, kami tiada jalan melainkan untuk terus bersama dengan mereka. Brgkali, PAS di UM kejam, zalim dan autokratik, tetapi di luar sana, bagus dan merekalah tempat umat utk mengadu nasib dan cemerlang andaikata mereka memerintah Malaysia.

Semasa menjadi Pres AKIUM, saya berkenalan dengan prof Zaki. Dan kisah seterusnya adalah sejarah dan telah dimuatkan di dalam nota rahman di atas. Cumanya, usrah yg menjadikan prof sebagai naqib kami disetujui oleh Timbalan pres PMI dan juga di bawah pengetahuan Ustaz Harun Taib, ketua Dewan Ulamak.

Selepas berkhidmat dengan AKIUM, saya dan beberapa rakan setia, ingin menubuhkan satu rumah bersama untuk membantu pimpinan AKIUM sebagai badan penasihat. Saya sangka semuanya sebulat hati, tetapi salah seorang

